

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha untuk meningkatkan bekalan air bersih dan elektrik di kawasan luar bandar Sarawak.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), Kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM1.486 bilion bagi tujuan pelaksanaan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Negeri Sarawak yang telah memberikan bekalan kepada 21,535 buah rumah dengan anggaran 107,675 penerima manfaat. Manakala bagi tahun 2021 pula, sebanyak RM83.646 juta telah diperuntukkan.

Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, sejumlah RM2.4 bilion peruntukan telah diluluskan di bawah RMK-11 bagi pelaksanaan projek BALB di Negeri Sarawak. Sepanjang tempoh RMK-11, dianggarkan sebanyak 10,625 buah rumah telah menerima bekalan air bersih dengan anggaran 53,125 penerima manfaat. Manakala bagi tahun 2021 pula, sebanyak RM209.7 juta telah diperuntukkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan Projek BELB dan BALB oleh Kementerian adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan negeri yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN). Sehubungan itu, Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan permohonan kepada UPEN untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri agar permohonan ini boleh diangkat kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan peruntukan.